

HUBUNGAN ANTARA CIRI-CIRI KERJA BERPASUKAN DENGAN KEBERKESANAN KERJA BERPASUKAN DALAM KALANGAN GURU-GURU TINGKATAN ENAM SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI NEGERI PAHANG

RELATIONSHIP BETWEEN TEAMWORK CHARACTERISTIC AND TEAMWORK EFFECTIVENESS AMONG FORM SIX SECONDARY SCHOOL TEACHERS IN PAHANG

Zahari Hashim

Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Email: zahari@fpe.upsi.edu.my)

Accepted date: 27-02-2019

Published date: 17-07-2019

To cite this document: Hashim, Z. (2019). Hubungan antara Ciri-Ciri Kerja Berpasukan dengan Keberkesanan Kerja Berpasukan dalam kalangan guru-guru Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Pahang. *International Journal of Modern Education*, 1(1), 61-74.

DOI: [10.35631/ijmoe.11006](https://doi.org/10.35631/ijmoe.11006)

Abstrak: Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji hubungan antara ciri-ciri kerja berpasukan dengan keberkesanan kerja berpasukan dalam kalangan guru-guru Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Pahang. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif melibatkan pengumpulan data yang dilakukan menggunakan soal selidik. Populasi kajian adalah seramai 677 orang. Sampel kajian melibatkan 250 orang guru Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Pahang. Statistik deskriptif digunakan bagi menjawab persoalan kajian manakala statistik inferensi iaitu analisis Korelasi Pearson untuk menguji hipotesis. Dapatkan kajian menunjukkan daripada analisis Korelasi Pearson, bagi aspek dibawah tema proses, analisis menunjukkan aspek potensi, perkongsian beban tugas dan komunikasi/kerjasama di dalam pasukan kerja menunjukkan hubungan yang tinggi dengan keberkesanan pasukan kerja. Bagi aspek di bawah tema reka bentuk tugas, aspek pelbagai tugas dan penglibatan menunjukkan hubungan yang tinggi dengan keberkesanan pasukan kerja. Bagi aspek di bawah tema konteks, terdapat dua ciri pasukan kerja iaitu latihan dan komunikasi/kerjasama antara pasukan menunjukkan hubungan yang tinggi dengan keberkesanan pasukan kerja. Manakala bagi aspek di bawah tema saling bergantungan, terdapat dua ciri pasukan kerja iaitu saling bergantungan terhadap matlamat dan saling bergantungan terhadap maklumbalas/ganjaran menunjukkan hubungan yang tinggi dengan keberkesanan pasukan kerja. Implikasi kajian adalah semakin tinggi ciri-ciri kerja berpasukan maka semakin tinggi keberkesanan kerja berpasukan dalam kalangan guru-guru Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Pahang.

Kata Kunci: Ciri-Ciri Kerja Berpasukan, Keberkesanan Kerja Berpasukan dan Kepuasan Kerja

Abstract: This study aims to investigate the relationship between team characteristics and the effectiveness of teamwork among Form Six secondary school teachers in Pahang. Based on the model developed by Champion, Papper and Medsker (1996), this study was quantitative in the form of data collection using questionnaire. The sample of the study involved 250 Form Six teachers of secondary school in Pahang. Descriptive statistics were used to answer the research question, while the statistical inference was Pearson's correlation test to test the hypotheses. The findings of the study found that Pearson's correlation analysis was implemented, for the aspect under the process theme, analysis showed potential aspect, task load sharing and communication/in the work team showed a high level of relationship with the work force's effectiveness. For the aspect under the task design theme, the various aspects of task and involvement show a high level of relationship with the workforce efficiency. For the aspect under the context of the theme, there are two characteristics of the work theme namely training and communication/teamwork between the team showing a high level of relationship with work effectiveness. On the other hand, under the team of interdependence, there are two characteristic of work team, which mutual dependence on goals and interdependence on feedback, rewarding, showing a high level of relationship with the effectiveness of teamwork among national secondary school teachers. The implications of the study are increasingly high in teamwork performance and the effectiveness of teamwork among form sixth secondary school teachers in Pahang.

Key words: Team Characteristics, Team Effectiveness, Work Effectiveness

Pengenalan

Latar Belakang Kajian

Kerja berpasukan yang efektif dalam kalangan guru tingkatan enam di sekolah memerlukan pengorbanan kepentingan individu demi keutamaan matlamat dan kepentingan organisasi. Sikap mementingkan diri merupakan salah satu halangan yang besar kepada perkembangan sesebuah organisasi sekolah. Jika seorang guru mempunyai idea yang bernalas tetapi mereka tidak berkongsi dengan rakan sekerja, maka segala rancangan yang dirancang akan terbantut dan tidak akan tercapai dengan berkesan. Memang dalam organisasi pengurusan tingkatan enam tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada kecemerlangan individu, ia lebih menekankan kepada kecemerlangan berpasukan. Merujuk Weller (1998) kerja berpasukan merupakan asas bagi organisasi dan yang boleh belajar dalam organisasi adalah pasukan dan bukan organisasi yang belajar. Jika pengurusan tingkatan enam dan pihak pentadbiran sekolah wujud kesepaduan maka mudah bagi sekolah mencapai kejayaan. Dengan itu amatlah wajar pengurusan tingkatan enam memberi perhatian terhadap keberkesanan kerja berpasukan dalam organisasi sekolah.

Pernyataan Masalah

Pendidikan di Malaysia sedang berhadapan dengan cabaran yang amat getir dalam menuju negara maju menjelang tahun 2020. Sama ada disedari atau tidak, tempoh masa yang tinggal hanya tiga tahun dari sekarang dalam menuju laluan tersebut. Sehubungan itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam merealisasikan matlamat negara ke arah negara maju menjelang tahun 2020. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengorak langkah proaktif dengan menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 bagi mamaku pendidikan negara ke arah pendidikan bertaraf dunia menjelang tahun 2020 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Bagi membentuk pasukan kerja yang efektif merupakan satu agenda yang menjadi keutamaan pihak pengurusan sekolah. Isu-isu pendidikan tidak lagi hanya berkaitan dengan sistem pendidikan dan persekolahan, tetapi juga melibatkan pelbagai faktor lain yang mempengaruhi kualiti pendidikan. Oleh itu, pendekatan pengurusan sekolah haruslah bersifat holistic, iaitu melibatkan semua pihak dan dibuat secara berterusan. Oleh yang demikian, kerja secara berpasukan amat penting diamalkan di sekolah untuk menentukan kejayaan sesebuah sekolah.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara ciri-ciri kerja berpasukan dengan keberkesanan kerja berpasukan dalam kalangan guru-guru Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Pahang.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji sejauh manakah tahap penguasaan ciri-ciri pasukan kerja dalam kalangan guru akademik tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di Negeri Pahang.
2. Mengkaji sejauh mana terdapatnya hubungan yang signifikan antara tema pasukan kerja iaitu proses, reka bentuk tugas, konteks dan saling-bergantungan dengan keberkesanan pasukan kerja dalam kalangan guru akademik tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di Negeri Pahang.

Soalan Kajian

Beberapa persoalan yang akan cuba dijawab dalam kajian ini adalah seperti berikut:

PK1. Sejauh manakah tahap penguasaan ciri-ciri pasukan kerja dalam kalangan guru akademik tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di Negeri Pahang?

PK2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri pasukan kerja di bawah tema proses iaitu potensi, sokongan sosial, perkongsian beban tugas, dan komunikasi/kerjasama dalam pasukan kerja dengan keberkesanan pasukan kerja dalam kalangan guru akademik tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di Negeri Pahang?

PK3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri pasukan kerja di bawah tema reka bentuk tugas iaitu pengurusan kendiri, penglibatan, pelbagai tugas dan signifikasi tugas dengan keberkesanan pasukan kerja dalam kalangan guru akademik tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di Negeri Pahang?

PK4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri pasukan kerja di bawah tema konteks iaitu latihan, sokongan pihak pengurusan dan komunikasi/ kerjasama antara pasukan kerja dengan keberkesanan pasukan kerja dalam kalangan guru akademik tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di Negeri Pahang?

PK5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri pasukan kerja dibawah tema saling-bergantungan iaitu saling-bergantungan terhadap tugas, saling-bergantungan terhadap matlamat dan saling-bergantungan terhadap maklum balas dan ganjaran dengan keberkesanan pasukan kerja dalam kalangan guru akademik tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di Negeri Pahang?

Hipotesis Kajian

Beberapa hipotesis nol dibentuk bagi soalan kajian. Hipotesis nol yang dibentuk adalah seperti berikut:

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri pasukan kerja di bawah tema proses iaitu potensi, sokongan sosial, perkongsian beban tugas dan komunikasi/ kerjasama di dalam pasukan kerja dengan keberkesanan pasukan kerja dalam kalangan guru tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di Negeri Pahang.

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri pasukan kerja di bawah tema reka bentuk tugas iaitu pengurusan kendiri, penglibatan, pelbagai tugas dan signifikasi tugas dengan keberkesanan pasukan kerja dalam kalangan gurutringkatan enam di sekolah menengah kebangsaan di Negeri Pahang.

Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri pasukan kerja di bawah tema konteks iaitu latihan, sokongan pihak pengurusan dan komunikasi/kerjasama antara pasukan kerja dengan keberkesanan pasukan kerja dalam kalangan guru-guru tingkatan enam di sekolah menengah kebangsaan di Negeri Pahang.

Ho4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri pasukan kerja di bawah tema saling-bergantungan iaitu saling-bergantungan terhadap tugas, saling-bergantungan terhadap matlamat dan saling-bergantungan terhadap maklum balas dan ganjaran dengan keberkesanan pasukan kerja dalam kalangan guru akademik tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di Negeri Pahang.

Kepentingan Kajian

Dalam meningkatkan lagi kecekapan kerja dan kualiti pengurusan di sekolah dan konsep pembentukan pasukan kerja perlu dilaksanakan kerana ia merupakan cara yang terbaik. Sehubungan itu, kajian kerja berpasukan adalah penting bagi pembangunan pasukan kerja yang berkesan secara berterusan. Ini telah memberi dorongan kepada pengkaji untuk meninjau lebih mendalam tentang aspek pengurusan kerja berpasukan di sekolah. Kerjasama antara para guru dan pihak pengurusan sekolah akan merealisasikan pencapaian matlamat sekolah, seterusnya Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kerjasama secara berpasukan dalam kalangan pihak pengurusan dan guru serta seluruh organisasi sekolah bukanlah mudah untuk dicapai dan keadaan sedemikian memerlukan pengorbanan kepentingan individu demi keutamaan matlamat dan kepentingan organisasi. Oleh itu, amatlah wajar diberi perhatian terhadap kerja berpasukan dalam organisasi sekolah dan keberkesanan pengaplikasian kerja berpasukan oleh pihak yang terlibat terutamanya di sekolah terhadap kepuasan kerja dalam kalangan guru akademik tingkatan enam di sekolah.

Batasan Kajian

Dapatan kajian ini terbatas kepada sekolah menengah kebangsaan di Negeri Pahang sahaja. Skop kajian ini adalah kepada persepsi guru tingkatan enam terhadap ciri-ciri kerja berpasukan yang berhubung kait dengan keberkesanan kerja yang diperolehi. Pemilihan sampel secara rawak telah dilakukan untuk kajian ini, iaitu hanya melalui persepsi guru tingkatan enam di Negeri Pahang. Data yang dikumpul bergantung pada kejujuran responden dan terhad pada guru tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan sahaja, keesahan dan kebolehpercayaan sangat bergantung kepada keikhlasan dan kejujuran jawapan responden maka tidak mewakili ke seluruhan populasi guru tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di seluruh Malaysia.

Kajian ini hanya dijalankan dalam kalangan gurutringkatan enam di 46 sekolah menengah kebangsaan di Negeri Pahang sahaja. Hanya guru tingkatan enam yang berkenaan menjadi sampel kajian. Guru tingkatan enam yang menjawab soal selidik yang dikemukakan dan

penilaian mereka terhadap pengetua masing-masing mengikut situasi tempat kerja mereka dan kemungkinan dipengaruhi juga oleh kepentingan peribadi.

Rumusan

Peranan pentadbir sebagai pemimpin perlu membina konsep kekitaan atau kerja sepasukan agar penambahbaikan organisasi dapat dilakukan secara berterusan. Pentadbir juga perlu menunjukkan strategi yang dapat membantunya mengadaptasi dan melibatkan diri dengan persekitaran antaranya menjalankan hubungan mesra dengan masyarakat persekitaran sama ada dengan jabatan kerajaan, swasta maupun individu. Dapat disimpulkan, tugas atau peranan pentadbir yang mentransformasikan kepimpinan organisasi pendidikan tidak hanya tertumpu pada definisi pemimpin itu sahaja, bahkan memimpin dan mempenagruhi orang lain dengan usaha yang gigih dalam mencapai matlamat organisasi. Pentadbir juga perlu menguasai kemahiran kemanusiaan serta bertindak sebagai penjana perubahan, serta perlu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menguruskan masalah dan tekanan yang dihadapi oleh warga sekolahnya.

Pentadbir selaku peneraju utama dalam kepimpinan peringkat sekolah perlu melakukan satu anjakan paradigma kerana perubahan dalam organisasi itu sangat penting dilaksanakan. Tanpa perubahan, organisasi itu tidak akan mencapai matlamat dan kecemerlangan. Namun bagi melaksanakan perubahan bukan sesuatu perkara yang boleh diambil mudah. Ia memerlukan pertimbangan dan penglibatan semua pihak supaya perubahan itu dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Tinjauan Literatur

Konsep Kerja Berpasukan

Kerja berpasukan merupakan suatu unit dalam organisasi yang berinteraksi untuk berkongsi maklumat dan keputusan bagi membantu ahli-ahli pasukan menjalankan tugas dalam ruang sempadan tanggungjawab yang telah ditetapkan. Menurut Daft (1999) kerja berpasukan merujuk kepada sekumpulan dua atau lebih manusia yang berinteraksi dan menyelaras tugas atau kerja mereka bagi mencapai matlamat umum yang disasarkan bersama. Manakala Lussier dan Achua (2001) menyatakan bahawa kerja berpasukan sebagai satu pemahaman dan komitmen di antara ahli pasukan ke arah pencapaian maklumat pasukan dan mengurangkan perselisihan faham yang wujud dalam ahli pasukan kerja.

Dalam organisasi sekolah apabila guru akademik tingkatan enam berasa dihargai dalam suasana saling hormat-menghormati, maka mereka akan bekerja pada tahap mutu dan daya produktiviti yang tinggi. Menurut Mokhtar (1999) pula, apabila sesuatu kumpulan menjalankan tugas bersama-sama dan beusaha untuk mewujudkan kerjasama di antara ahli, ia telah berfungsi sebagai kerja berpasukan.

Kerja berpasukan wujud apabila ahli dalam organisasi dapat merasakan bahawa mereka berada dalam satu pasukan dan diterima baik oleh anggota-anggota lain dalam pasukan tersebut, ada sesuatu sumbangan yang boleh mereka berikan kepada pasukan, pandangan mereka di terima baik oleh anggota pasukan dan mereka rasa bertanggungjawab untuk memastikan kejayaan kumpulan yang erat antara mereka.

Kerja berpasukan juga boleh merujuk kepada satu set nilai yang menggalakkan tindak laku seperti mendengar dan memberi respon yang membina terhadap pendapat orang lain, menjelaskan keraguan, serta memberi sokongan penuh kepada ahli. Ini termasuklah mengargai minat serta mengiktiraf pencapaian ahli pasukan yang lain

(Katzenbach & Doughlas, 1993). Ia merupakan gabungan usaha, pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dilakukan secara sinergi untuk menghasilkan prestasi kerja melebihi input yang dilakukan secara bersendirian. Melalui usaha ahli pasukan membolehkan organisasi meningkatkan hasil tanpa meningkatkan sumber. Walau bagaimanapun, kerja berpasukan yang sedia stabil turut dirundung kebimbangan terhadap kesan negatif perubahan. Antaranya berpunca daripada norma pasukan, keakraban pasukan dan pemikiran pasukan (Ab. Aziz Yusof, 2004)

Kerja Berpasukan Dalam Organisasi Sekolah

Pengetua dan PK Tingkatan enam di sekolah berperanan sebagai tenaga penggerak kepada guru akademik tingkatan enam. Maka mereka tidak boleh bertindak berseorangan dan perlu berinteraksi antara individu. Dalam mengurus organisasi tingkatan enam di sekolah ianya penting untuk diberi perhatian kepada kerja secara berpasukan untuk mencapai matlamat bersama supaya pengurusan tingkatan enam dapat diuruskan dengan berkesan dan berkualiti.

Ahli kerja berpasukan mempunyai tahap persefahaman yang tinggi kerana setiap ahli dalam pasukan diberi kebebasan bersuara, memberikan idea atau pendapat. Mereka diberi kuasa menilai semua maklumat yang diterima sebelum sesuatu keputusan dibuat dimana kesan sesuatu keputusan akan dipikul Bersama. Oleh itu, hasil kerja bukan dimiliki individu tetapi milik pasukan. Maka, peranan kepimpinan dalam kerja berpasukan adalah dikongsi secara kolektif bukan oleh seorang ketua sahaja.

Walaupun kepimpinan dikongsi secara kolektif tetapi keberkesanannya dan peningkatan kualiti amat bergantung kepada kaedah kepimpinan, seperti cara berkomunikasi, pengagihan tugas, penerimaan idea, pandangan dan inovasi. Maka perlu untuk memastikan setiap ahli dalam pasukan mempunyai komponen tersebut supaya dapat merancang untuk mewujudkan semangat kerja berpasukan di kalangan ahli.

Kajian-Kajian Lepas Yang Berkaitan

Zulkifli (2000) menjalankan penyelidikan tentang tahap budaya kerja berpasukan. Kajian tersebut melibatkan 90 orang responden dari dua buah sekolah teknik di Daerah Alor Star, Kedah. Terdapat dua aspek dalam kajian iaitu aspek pembangunan kerja pasukan dan aspek kematangan kerja pasukan. Aspek pembangunan kerja pasukan terdiri daripada faktor pembentukan pasukan, pertembungan dalam pasukan, penerimaan ahli dalam pasukan dan pemantapan ahli dalam pasukan. Aspek kematangan kerja pasukan yang dilihat dalam kajian ini adalah terdiri daripada faktor pertembungan ahli dalam pasukan, kemahiran ahli dalam pasukan. Kajiannya mendapati guru-guru di sekolah terbabit mempunyai tahap pembangunan dan kematangan kerja berpasukan yang tinggi. Di samping itu, tiada perbezaan tahap pembangunan dan kematangan pasukan berdasarkan jantina responden.

Siti Atina (2003) membuat kajian faktor hubungan interpersonal dalam mempengaruhi amalan kerja berpasukan dalam kalangan penyelia: Satu kajian di Philips Semiconductor Seremban Sdn Bhd. Dalam kajian ini, hubungan interpersonal dilihat dari sudut keperluan dan gaya interpersonal seseorang penyelia dalam konteks kerja berpasukan. Objektif kajian ini adalah menentukan keperluan interpersonal penyelia, menentukan gaya interpersonal penyelia, menentukan hubungan di antara gaya interpersonal dengan amalan kerja berpasukan dan melihat persepsi penyelia terhadap amalan kerja berpasukan di organisasi kajian. Kesemua responden terdiri daripada penyelia syif A, syif B, syif C, syif D dan waktu kerja normal. Secara keseluruhan, penemuan kajiannya membuktikan hubungan interpersonal memberikan pengaruh yang signifikan kepada amalan kerja berpasukan.

Metodologi Kajian

Pengenalan

Tumpuan utama bab ini adalah untuk membincangkan dan menghurai secara terperinci tentang reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, tempat kajian, tata cara kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data dan prosedur menganalisis data kajian.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen dalam pengumpulan data kajian. Menurut Gay dan Airasian (2009), kaedah soal selidik adalah cara yang berkesan kerana tidak memerlukan masa dan perbelanjaan yang banyak, malahan membenarkan pengumpulan data dalam jumlah yang besar. Kajian ini melibatkan guru-guru tingkatan 6 di 46 buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Kuantan, Pahang.

Populasi Dan Sampel Kajian

Penetapan jumlah sampel kajian adalah berpandukan Jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Tindakan ini dilakukan agar data yang diperoleh lebih sahih dan relevan serta dapatan kajian boleh digeneralisasikan (Mohd Majid Konting, 1990). Kajian ini dilakukan di 46 buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Pahang yang mempunyai tingkatan enam. Populasi kajian adalah terdiri daripada 677 guru tingkatan enam di Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Pahang,

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan pakai instrumen soal selidik yang diubahsuai daripada soal selidik yang telah dibentuk berdasarkan instrumen “*Team Survey for Individual Team Members*” (TSTM) dan “*Team Survey for Team Leaders*” (TSTL) oleh Campion et al (1993). Instrumen soal selidik ini megandungi tiga bahagian iaitu :-

- i. Bahagian A: Demografi responden
- ii. Bahagian B : Ciri-ciri yang menyumbang ke arah pasukan kerja berkesan (58 item).

Item dalam soal selidik ini diuji menggunakan skala likert 5 point seperti yang berikut:

- | | | |
|---|---|---------------------|
| 1 | – | Sangat Tidak Setuju |
| 2 | – | Tidak Setuju |
| 3 | – | Tidak Pasti |
| 4 | – | Setuju |
| 5 | – | Sangat Setuju |

Responden hanya perlu membulatkan skala yang di pilih dan dipersetujui.

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abu Bakar Kuantan, Pahang dan melibatkan sampel seramai 30 orang guru . Sekolah ini dipilih kerana tidak terlibat dalam penyelidikan sebenar kajian ini. Dapatan kajian ini dianalisis untuk mendapatkan pola bagi item-item soalan kaji selidik. Sebelum soal selidik sebenar dilakukan, soalan yang dibentuk itu telah diuji dengan ujian Alpha Cronbach untuk menentukan kebolehpercayaan berdasarkan min yang diperoleh. Alpha cronbach merupakan *reliability coefficient* yang menunjukkan bagaimana sesuainya hubungan item-item sebagai satu set soalan. Semakin hampir nilai ‘alpha’ kepada angka 1, semakin tinggi kebolehpercayaan dalam ‘internal reliability’. Jika nilai ‘alpha’ kurang daripada 0.6 maka dianggap lemah (Chua Yan Piaw, 2011).

Nilai pekali kebolehpercayaan bagi keseluruhan instrumen adalah 0.862.

Tatacara Perolehan Data

Soal selidik diedar berdasarkan konsep *drop and collect* iaitu diedarkan kepada setiap responden melalui pengetua dan setiap responden diberikan masa tiga hari untuk memberikan maklum balas mereka terhadap pernyataan item dalam soal selidik.

Tatacara Penganalisisan Data

Soal selidik yang dikumpul disemak terlebih dahulu bagi memastikan soal selidik lengkap diisi mengikut arahan yang ditetapkan sebelum diproses dan dikodkan. Data yang dikodkan seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 21.0* melibatkan kaedah statistik deskriptif iaitu skor min, sisihan piawai, peratus dan frekuensi.

Sebagai tambahan, Korelasi Pearson digunakan untuk mengkaji hubungan di antara sokongan keluarga terhadap penglibatan dalam badan beruniform sekolah ke atas pencapaian kemahiran insaniah murid. Nilai coefficien, r digunakan untuk mengenal pasti bentuk hubungan antara kedua-dua pembolehubah dalam kajian ini. Julat nilai coefficien (r) dan interpretasinya adalah seperti yang dinyatakan oleh Anderson (2011) dan ditunjukkan pada jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Interpretasi Nilai Korelasi

Nilai Coefficient (+/-)	Hubungan antara Pembolehubah
0.00 – 0.20	Sangat lemah
0.21 – 0.40	Lemah, rendah
0.41 – 0.60	Sederhana
0.61 - 0.80	Tinggi, kuat
0.81 – 1.00	Sangat kuat, sangat tinggi

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini seperti reka bentuk kajian, persempalan, instrumen kajian, kajian rintis, kebolehpercayaan item dan analisis data.

Dapatan Kajian

Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan objektif dan hipotesis yang telah dibentuk. Perbincangan ini adalah hasil analisis secara deskriptif dan inferensi yang menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 21.0*. Analisis yang dijalankan melibatkan analisis deskriptif untuk melihat skor min dan sisihan piawai.

Dapatan Kajian Secara Deskriptif Dan Inferensi

Analisis Latar Belakang Responden

Jadual 2: Latar Belakang Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan Responden	Peratus
Lelaki	59 orang	23.6%
Perempuan	191 orang	76.4%
Jumlah	250 orang	100%

Jadual 3: Latar Belakang Mengikut Lokasi

Lokasi	Bilangan Responden	Peratus
Bandar	159 orang	63.6%
Luar Bandar	91 orang	36.4%
Jumlah	250 orang	100%

Tahap Penguasaan Ciri-Ciri Pasukan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan Di Negeri Pahang.

Dapatan kajian menunjukkan prestasi guru terhadap setiap item dalam ciri-ciri pasukan kerja. Dapatan keseluruhan menunjukkan 36 item mempunyai skor min pada tahap yang tinggi, 18 item sederhana dan 4 item pada tahap rendah.

Hubungan Antara Ciri-Ciri Pasukan Kerja Di Bawah Tema Proses Dengan Keberkesanan Pasukan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan Di Negeri Pahang

Jadual 4: Hubungan Antara Ciri-Ciri Pasukan Kerja Di Bawah Tema Proses Secara Keseluruhan Dengan Keberkesanan Pasukan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan Di Negeri Pahang

Ciri-ciri pasukan kerja	n	Korelasi Pearson	Sign-p	Paras Kesignifikan
Tema Proses	250	0.584	0.000	P < 0.05*

Hasil analisis data menunjukkan bahawa mengikut persepsi guru terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri pasukan kerja di bawah proses secara keseluruhan dengan keberkesanan pasukan kerja dalam kalangan guru-guru tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di negeri Pahang. Ini jelas apabila pekali Pearson menunjukkan $r [250] = 0.586$, $P < 0.05^*$. Ini bermakna hubungan antara ciri-ciri pasukan kerja di bawah tema proses keseluruhan dengan keberkesanan pasukan kerja adalah pada tahap sederhana. Oleh itu hipotesis Ho1 didapati tidak benar dan di tolak.

Hubungan Antara Ciri-Ciri Pasukan Kerja Di Bawah Tema Reka Bentuk Tugas Dengan Keberkesanan Pasukan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan Di Negeri Pahang

Jadual 5: Hubungan antara Ciri-ciri Pasukan Kerja Di Bawah Tema Reka Bentuk Tugas secara keseluruhan Dengan Keberkesanan Pasukan Kerja Dalam Kalangan guru-guru tingkatan enam di negeri Pahang

Ciri-ciri pasukan kerja	n	Korelasi Pearson	Sign-p	Paras kesignifikan
Tema Reka bentuk tugas	250	0.568	0.000	P < 0.05*

Hasil analisis data menunjukkan bahawa mengikut persepsi guru terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri pasukan kerja di bawah reka bentuk tugas secara keseluruhan dengan keberkesanan pasukan kerja dalam kalangan guru-guru tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di negeri Pahang .ini jelas apabila pekali Pearson menunjukkan $r [250] = 0.690$, $P < 0.05^*$. Ini bermakna hubungan antara ciri-ciri pasukan kerja di bawah tema proses keseluruhan dengan keberkesanan pasukan kerja adalah pada tahap sederhana. Oleh itu hipotesis Ho1 di dapati tidak benar dan di tolak.

Hubungan Antara Ciri-Ciri Pasukan Kerja Di Bawah Tema Konteks Dengan Keberkesanan Pasukan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan Di Negeri Pahang

Jadual 6: Hubungan antara Ciri-ciri Pasukan Kerja Di Bawah Tema konteks secara keseluruhan Dengan Keberkesanan Pasukan Kerja Dalam Kalangan guru-guru tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di negeri Pahang

Ciri-ciri pasukan kerja	n	Korelasi Pearson	Sign-p	Paras kesignifikan
Tema Konteks	250	0.626	0.000	P < 0.05*

Hasil analisis data menunjukkan bahawa mengikut persepsi guru terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri pasukan kerja di bawah reka bentuk tugas secara keseluruhan dengan keberkesanan pasukan kerja dalam kalangan guru-guru tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di negeri Pahang .ini jelas apabila pekali Pearson menunjukkan $r [250] = 0.585$, $P < 0.05^*$ [tinggi]. Ini bermakna hubungan antara ciri-ciri pasukan kerja di bawah tema proses keseluruhan dengan keberkesanan pasukan kerja berada pada tahap tinggi. Oleh itu hipotesis Ho3 di dapati tidak benar dan di tolak.

Hubungan Antara Ciri-Ciri Pasukan Kerja Di Bawah Tema Saling Bergantungan Dengan Keberkesanan Pasukan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan Di Negeri Pahang

Jadual 4.7: Hubungan Antara Ciri-ciri Pasukan Kerja Di Bawah Tema Saling Bergantungan Secara Keseluruhan Dengan Keberkesanan Pasukan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Tingkatan Enam Di Negeri Pahang

Ciri-ciri pasukan kerja	n	Korelasi Pearson	Sign-p	Paras kesignifikan
Saling bergantungan	250	0.722	0.000	P < 0.05*

Hasil analisis data menunjukkan bahawa mengikut persepsi guru terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri pasukan kerja di bawah tema saling bergantungan secara keseluruhan dengan keberkesanannya pasukan kerja dalam kalangan guru-guru tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di negeri Pahang .ini jelas apabila pekali Pearson menunjukkan $r [250] = 0.722$, $P < 0.05^*$ [tinggi]. Ini bermakna hubungan antara ciri-ciri pasukan kerja di bawah tema proses keseluruhan dengan keberkesanannya pasukan kerja adalah pada tahap tinggi. Oleh itu hipotesis Ho4 didapati tidak benar dan ditolak.

Rumusan

Secara keseluruhannya analisis yang dijalankan berjaya mencapai objektif kajian dan menguji semua hipotesis yang dibentuk. Dapatkan kajian ini menunjukkan pemboleh ubah yang dikaji mempunyai hubungan. Dimensi dalam pemboleh ubah bebas juga didapati memberi pengaruh terhadap pemboleh ubah bersandar.

Perbincangan Dan Rumusan

Persoalan Kajian 1:

Berdasarkan dapatkan kajian, didapati di bawah Tema Proses terdapat sembilan item yang menunjukkan min yang tinggi. Di bawah Tema Reka Bentuk Tugas, ada tujuh item, di bawah Tema Konteks terdapat tiga item dan di bawah Tema Saling Bergantungan terdapat lima item yang menunjukkan min yang tinggi. Secara keseluruhannya di dapat tahap penguasaan ciri-ciri pasukan kerja dalam kalangan guru-guru tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di Negeri Pahang adalah pada tahap yang tinggi.

Dapatkan kajian ini selari dengan kajian Mohd Anuar (2007), memperlihatkan tahap kerja berpasukan dalam jabatan mata pelajaran di sekolah menengah di Malaysia berada pada tahap tinggi. Dapatkan kajian ini sama juga seperti dapatkan Safiah (2001) dalam kajian beliau memperlihatkan kerja berpasukan berkesan dalam Panitia Bahasa Inggeris di sekolah menengah di Johor Bahru. Beliau mendapati bahawa untuk mencapai sesuatu kejayaan dalam pasukan, ahli-ahli panitia perlu bergerak dalam satu pasukan.

Secara keseluruhan responden mempunyai sikap positif melihat pasukan mereka sebagai sebuah kerja pasukan yang berkesan. Ini kesan daripada responden berpengalaman menjadi guru melebihi 10 tahun. Pengalaman kerja yang lama mungkin dapat mempertingkatkan kemahiran kepimpinan, komunikasi, tanggungjawab yang jelas dan hubungan interpersonal yang baik dalam kerja berpasukan.

Persoalan Kajian 2:

Hasil analisis data menunjukkan bahawa mengikut persepsi guru terdapat hubungan yang signifikan antara semua aspek ciri-ciri pasukan kerja di bawah tema proses dengan keberkesanannya pasukan kerja dalam kalangan guru-guru tingkatan enam sekolah menengah di negeri Pahang. Oleh itu Ho1 didapati tidak benar dan ditolak. Pekali Pearson bagi aspek potensi menunjukkan $r [250] = 0.794$, $P < 0.05^*$ [tinggi], sokongan social $r[250] = 0.236$, $P < 0.05^*$, komunikasi/kerjasama di dalam pasukan dan sokongan social $r[250] = 0.236$, $P < 0.05^*$, ini bermakna mengikut persepsi guru hanya sokongan sosial yang mempunyai hubungan yang lemah. Potensi, perkongsian beban tugas dan komunikasi/kerjasama di dalam pasukan kerja mempunyai hubungan yang tinggi atau kuat.

Dapatkan kajian ini dapat mengukuhkan dapatkan kajian Mohd Fadzilah dan Ahmad Fazli (2005) yang menjelaskan semakin ahli kerja pasukan mengenali antara satu sama lain, semakin berkesan pasukan kerja itu. Hasil kajian ini selari dengan pendapat Synder dan

Anderson (1986) yang menyatakan bahawa salah satu langkah yang dapat membantu membina kerja berpasukan yang berkesan ialah menggariskan tanggungjawab setiap ahli pasukan, menentukan posisi setiap ahli dalam kerja pasukan.

Persoalan Kajian 3:

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan aspek penglibatan dan pelbagai tugas menunjukkan darjah korelasi yang kuat. Ini kerana pengkaji mendapati guru-guru tingkatan enam suka pendapat mereka didengari dalam melaksanakan tugas dalam pasukan. Mereka juga senang apabila mengambil bahagian dalam membuat keputusan dalam pasukan serta berpeluang melibatkan diri dalam proses membuat keputusan.

Hasil kajian ini bersesuaian dengan kajian lalu menurut Sengel (1992) yang mengatakan bahawa dengan melibatkan guru dalam operasi dan pengurusan sekolah dapat memberi pendedahan kepada guru tentang pengurusan organisasi sekolah secara keseluruhan selain daripada kemahiran mengurus di bilik darjah sahaja dan ini secara tidak langsung meningkatkan komitmen organisasi dan profesionalisme guru.

Pounder (1999) mendapati sekolah yang mengamalkan pasukan kerja dengan bertambahnya penglibatan seseorang guru itu dalam proses pembuatan keputusan di sekolah akan menyebabkan hubungan kepercayaan hubungan kepercayaan sesama ahli pasukan akan bertambah rapat. Justeru apabila pekerja diberi kepercayaan untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah ia akan mendorong pekerja untuk bekerja dalam satu pasukan.

Selain itu melalui dapatan kajian pengkaji mendapati guru-guru tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di negeri Pahang amat berpuas hati dengan tugas yang dilakukan dalam pekerjaan mereka. Mereka juga berpeluang untuk mempelajari tugas yang berbeza.

Persoalan Kajian 4:

Melalui hasil dapatan mendapati aspek latihan merupakan aspek yang paling tinggi. Di mana pada pandangan pengkaji aspek latihan yang mencukupi untuk meningkatkan kualiti dan khidmat nasihat kepada pasukan adalah memainkan peranan yang penting di samping pihak pengurusan sekolah memperuntukan latihan kemahiran-kemahiran pasukan yang mencukupi kepada pasukan kerja guru-guru tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan negeri Pahang kerana guru amat mengharapkan pihak pengurusan memberikan latihan yang mencukupi kepada guru-guru.

Dalam kajian ini majoriti guru-guru tingkatan enam adalah guru yang telah berkhidmat lebih dari sepuluh tahun di sekolah maka mereka cenderung untuk mempelajari kaedah baru dalam pengajaran. Begitu juga taraf akademik yang paling ramai adalah Ijazah Sarjana Muda maka mereka memerlukan latihan yang banyak. Menurut Senge (1992) latihan akan menjadi lebih berkesan jika reka bentuk latihan untuk membekalkan pembelajaran yang berterusan, interaktif dan kumulatif untuk mengembangkan konsep-konsep baru, kemahiran-kemahiran dan tingkah laku yang akan kekal lama.

Aspek komunikasi/kerjasama antara pasukan juga menunjukkan korelasi yang tinggi. Menurut Wofford (1982) pasukan kerja mementingkan kerjasama antara ahli pasukan untuk mencapai matlamat dan mereka diharapkan untuk menggunakan cara yang positif untuk berinteraksi antara satu sama lain. John Syer dan Christopher Connolly (1996) menyatakan pasukan adalah sekumpulan orang yang berkongsi maklumat yang sama dan mereka saling bergantung di antara satu sama lain dan Plunket & Atther (1994) menyatakan bahawa kerja

berpasukan melibatkan dua atau lebih individu yang berinteraksi diantara satu dengan yang lain untuk mencapai objektif yang sama walaupun dalam menjalankan tugas yang berlainan.

Persoalan Kajian 5:

Dapatkan kajian mendapati aspek saling bergantungan terhadap matlamat adalah yang paling tinggi, kedua adalah saling bergantungan terhadap maklumbalas/ganjaran dan aspek saling bergantungan terhadap tugas.

Pengkaji mendapati guru-guru tingkatan enam amat bersetuju sekiranya segala tugasan ditentukan oleh pasukan kerja kerana mereka akan melakukan sedikit aktiviti dalam tugasan yang tidak berkait dengan matlamat pasukan kerja mereka dan semua matlamat kerja mereka adalah datang daripada matlamat pasukan kerja mereka. Oleh kerana itu dapatkan menunjukkan bahawa ciri saling bergantungan terhadap matlamat berhubung secara positif dengan keberkesaan pasukan kerja dalam kalangan guru-guru tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di negeri Pahang.

Menurut Daris & Newston (1985) kerja berpasukan adalah satu proses untuk mendapatkan kerjasama, penyertaan dan penglibatan ahli-ahli di dalam sesebuah organisasi untuk mencapai objektif dan matlamat yang dirangkakan. Tanpa matlamat yang jelas pasukan sukar untuk melaksanakan segala perancangan atau terpesong daripada halatuju. Model Adair (1987) membuktikan bahawa individu yang bekerja bersendirian dalam organisasi akan kehilangan arah dan tidak dapat mencapai matlamat. Beliau juga menyatakan pasukan adalah terdiri daripada individu yang berkongsi matlamat dan melakukan kerja yang memerlukan kemahiran yang saling melengkap di antara satu sama lain.

Ganjaran memberikan perangsang untuk melaksanakan tugas dengan lebih efektif, Abdul Razak dan Amin (2000) menegaskan pasukan akan lebih produktif apabila organisasi berkembang melalui sokongan pihak pengurusan. Motivasi juga dianggap sebagai ganjaran (galakan kerja) untuk kejayaan pasukan menurut Ab. Aziz (2000) apabila ganjaran setimpal, pekerja akan lebih komited dan bersungguh-sungguh di dalam kerja, seterusnya prestasi kerja mereka juga akan meningkat.

Rumusan

Dalam kajian ini, ianya dapat memberi maklumat tentang ciri-ciri kerja berpasukan dan keberkesaan kerja berpasukan dalam kalangan guru-guru tingkatan enam sekolah menengah kebangsaan di negeri Pahang. Secara keseluruhannya dapatkan kajian menunjukkan tahap elemen adalah tinggi. Terdapat juga hubungan yang kuat antara pemboleh ubah dalam kajian ini. Penemuan kajian telah banyak menyokong hasil-hasil kajian lepas atau penemuan-penemuan terdahulu.

Keberkesaan kerja berpasukan dalam jabatan di sesebuah sekolah amat penting. Ini disebabkan kerja berpasukan yang berkesan mengutamakan kualiti kerja dan produktiviti seterusnya membina keberkesaan kerja lalu dapat membina inovasi dan kreativiti dalam kalangan guru-guru tingkatan enam di sekolah. Kerja berpasukan yang berkesan juga akan mengurangkan masalah pembaziran tenaga dan meningkatkan semangat dan daya motivasi dalam kalangan ahli pasukan dalam organisasi.

Diharapkan semua faktor yang di nyatakan dalam kajian ini akan membantu mempercepatkan proses keberkesaan kerja berpasukan dan seterusnya kejayaan kerja berpasukan dalam organisasi pengurusan tingkatan enam.

Rujukan

- Ab. Aziz Yusof. 2002. Penilaian prestasi: Kepentingan dan permasalahan. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Ab. Aziz Yusof. 2003. Mengurus pasukan kerja prestasi tinggi. Prentice-Hall: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Abdul Razak Ibrahim & Amin Sulaiman. 2000. 8th ed. Gelagat Organisasi. Malaysia: Prentice-Hall, Inc.
- Campion, M.A., Medsker, G.J. & Higgs, A.C. 1993. Relations between work group characteristic and effectiveness: Implication for designing effective work Groups: Personnel Psychology 46: 823-850
- Chua Yan Piaw. 2006. Asas Statistik Penyelidikan. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill
- Daft, R.L. 1999. Leadership: Theory & practice. Orlando FL. Harcourt Brace College Publishers.
- Gay, L.R. & Airasian, P. 2009. Educational research: Competence for analysis and application. Edisi Ke 7. Ohio: Merril Prentice Hall.
- Katzenbach, J.R. & Douglas, D.K. 1993. The wisdom of the teams: Creating the High-Performance Organization; United State of America: Mc Kinsey & Company, Inc.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.
- Krejcie, R.Y. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement. 30: 607-610.
- Lussier, R.N. & Achua, C.F. 2001. Leadership: Theory, Application, Skill. South-Western College Publishing.
- Mohd. Majid Konting. 2000. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Ed. Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtar Zakaria. 1999. Pelaksanaan Pengurusan Kualiti Menyeluruh Dalam Kepimpinan Sekolah Di Sekolah Menengah Daerah Kota Star, Kedah. Tesis M.Sc. (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia.
- Pounder, D.G. 1999. Teacher's Team: Exploring job characteristic and work-related outcomes of work group enhancement. Educational Administration Quarterly 35 (3): 317-348.
- Safiah Awang. 2001. Panitia Bahasa Inggeris Sebagai Sebuah Pasukan Kerja Berkesan: Satu Kajian Kes. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan: Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.
- Senge, P. 1992. The fifth discipline: The art and practice of the learning organization. New York: Currently and Doublenaye.
- Zulkifli Abd. Aziz. 2000. Persepsi guru-guru terhadap budaya kerja berpasukan di Sekolah Menengah Teknik, Daerah Alor Star, Kedah Darulaman. Tesis M.Sc. (Pengurusan dan Pentadbiran), Universiti Teknologi Malaysia.